

TR 3:11:75

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS  
MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN PER-  
KHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK DI  
HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 1HB  
NOVEMBER, 1975

Encik Ishak Haji Patih Akhir, Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Saudara-saudara anggota PTD sekalian.

Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terimakasih bagi pihak isteri saya dan saya sendiri atas jemputan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik untuk menghadiri majlis yang permai pada malam ini.

Meskipun dalam kesibukan sidang Parlimen dan hal-hal lain, saudara-saudara masih dapat mengadakan majlis keraian ini sebagai satu tradisi dan saya harap akan dapat diteruskan dari tahun ke tahun dengan jayanya.

Saya nampak pada tiap-tiap tahun tetamu kehormat majlis ini tidak bertukar tetapi Presiden PTD bertukar ganti. Tahun sudah, saya menjadi tetamu kehormat tetapi Presidennya Datuk Abdullah Salleh tetapi tahun ini sementara saya juga tetamu kehormatnya tetapi Presiden PTD orang lain iaitu Encik Ishak Patih Akhir. Bagaimanapun, tukar ganti pimpinan PTD memanglah baik kerana ia memberi "new vigour and freshness" kepada kegiatan Persatuan ini.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan akan berbuat seberapa yang boleh untuk memberi jaminan bekerja yang baik dan lebih selesa kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, akan tetapi pegawai-pegawai PTD khasnya hendaklah menunjukkan pandangan yang sempurna dan pengertian yang saksama terhadap masalah yang dihadapi oleh Kerajaan pada masa ini.

Walau bagaimanapun, seperti saya telah katakan penggantungan pembayaran bonos ini adalah langkah sementara dan Kerajaan akan menimbangkan bonos ini dibayar semula apabila keadaan kewangan negara bertambah baik kelak.

Begitu juga peluang-peluang untuk kenaikan pangkat sentiasa terbuka kepada mereka yang layak dan berkebolehan. Berkenaan dengan latihan, pegawai-pegawai PTD dan pegawai-pegawai lain dalam perkhidmatan Kerajaan diberi peluang melanjutkan pelajaran atas perbelanjaan Kerajaan baik di dalam mahupun di luar negeri.

Sambil Kerajaan mengadakan berbagai kemudahan khususnya kemudahan latihan maka mereka perlu juga memahami masalah yang dihadapi oleh Kerajaan terutama dalam usaha mengekalkan pegawai-pegawai kanan berkhidmat dengan Kerajaan. Kerajaan tidak dapat menghalang pegawai-pegawai Kerajaan berhenti untuk masuk ke bidang swasta tetapi apa yang Kerajaan harap ialah mereka tidak semata-mata memikirkan soal gaji dan kemudahan lain-lain yang tentunya lebih lumayan di bidang swasta tetapi hendaklah juga memikir sumbangan yang dapat mereka berikan kepada negara lebih-lebih lagi mereka yang telah mendapat kemudahan latihan pengkhususan.

As I said on previous occasions, there is little money in the public service. But if you do your work in the right spirit, you will get the greatest satisfaction.

MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM  
PPTD—HOTEL HILTON 1-11-75

1. Tuan-tuan dan puan-puan bijak bistari,  
Beramai-ramai berkumpul di jamuan indah berseri;  
Saya bersyukur ke hadrat Illahi,  
Dapat hadir bersama isteri.
2. Jamuan diadakan setahun sekali,  
Oleh Pegawai-pegawai Pentadbir Negeri;  
Untuk bersama mesra sama sendiri,  
Makan minum serta tari menari.
3. Kepada Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Jawatankuasa,  
Yang pintar dan bertimbang rasa;  
Saya bersyukur ke hadrat Tuhan Yang Esa,  
Di atas kejujuran dan ikrar taat setia.

4. Pegawai-pegawai Pentadbir menjalankan tugas sentiasa,  
Siang dan malam tidak kira masa;  
Untuk kepentingan rakyat dan negara,  
Sedia berkorban segala usaha dan tenaga.
5. Negara Malaysia yang masih muda,  
Hanya sembilan belas tahun sejak merdeka;  
Banyak masalah terpaksa dirasa,  
Rakyat perlu tabahkan hati dan jiwa.
6. Keadaan darurat masih menyala,  
Pegganas bergerak di bandar dan desa;  
Cita-cita khianat diteruskan juga,  
Hendak merampas kuasa negara.
7. Pegawai-pegawai Pentadbir perlu waspada,  
Kepentingan rakyat mesti dijaga;  
Jangan dibenar penjahat bermaharajalela,  
Negara hancur rakyat sengsara.
8. Perpaduan rakyat mesti diusaha,  
Menyokong Polis dan Angkatan Tentera;  
Menentang puak-puak yang berniat celaka,  
Supaya dielak timbulnya huru hara.
9. Jentera pentadbiran hendaklah diawasi,  
Kehendak rakyat sentiasa dilayani;  
Segala sungutan perlulah diketepi,  
Rakyat tidak dipengaruhi lain ideoloji.
10. Kalau semua lapisan dalam Negara,  
Ketua-ketua Politik, Pegawai-pegawai Pentadbir dan rakyat  
jelata;  
Bersatu hati dan membulatkan tenaga,  
Insya Allah musuh negara tetap dibinasa.
11. Kepada Pegawai-pegawai muda saya berpesan,  
Berkhidmat dengan jujur dan taat kepada watan:  
Jangan semata-mata memandang kepada wang dan pendapatan,  
Kepentingan negara perlu menjadi junjungan.

12. Kalau bertugas dengan jujur dan dedikasi,  
Sungguhpun ta' banyak wang didapati;  
Perasaan berkhidmat dengan puas hati,  
Menjadi balasan yang ta' dapat dihargai.
  
13. Saya tak hendak berpanjang kata,  
Malam ini malam bersuka ria;  
Kepada ahli-ahli PTD diucapkan sejahtera,  
Terus bertugas dengan dedikasi dan daya usaha.
  
14. Dengan ucapan terima kasih saya sudahi,  
Kepada ahli-ahli PTD semua sekali;  
Saya berpantun untuk bersuka hati,  
Silap dan salah harap diampuni.